

## Konsep Bertaklid Dalam Islam

MAHYUDDIN ABU BAKAR & AZMAN MD ZAIN

### ABSTRACT


*Islamic jurisprudence recognizes the practices of taqlid in school of Hanafi, Maliki, Syafi'e and Hanbali. It is because most of Muslim do not have the ability and capability for ijihad, hence taqlid is the best for them to perform as ibadah. Actually, the understanding (tasamuh) of taqlid is to avoid the fanatics in each schools that eventually can break the unity of ummah.. Moreover Muslim should be aware of this concept and they are not allowed to practice the taqlid in aqidah. Earning knowledge in aqidah is the responsibility for each Muslim because there is strong relationship with the faith. The faith must build based on understanding. Therefore, the scholars have taken an approach to give the permissibility of taqlid in feqh, with the stands of adab and akhlak.*

### PENDAHULUAN

Tanggungjawab untuk menyempurnakan sesuatu ketetapan syara' seperti ibadah hukumnya wajib ke atas setiap orang Islam yang telah mencapai tahap mukallaf. Sungguhpun demikian umat Islam umumnya mempunyai kaedah atau cara yang berbeza dalam melaksanakan sesuatu ketetapan tersebut berdasarkan wujudnya perbezaan sumber dan panduan yang mereka ikuti mengikut tahap kefahaman dan ketinggian penguasaan ilmu bagi seseorang Islam itu sendiri.

Berhubung dengan perkara tersebut para ulama' Usul telah bersepakat dalam pembahagian orang-orang mukallaf kepada tiga golongan<sup>1</sup>. Golongan pertama ialah umat Islam yang mencapai tahap sebagai mujtahid, keistimewaan golongan ini adalah berdasarkan kebebasan mereka menetapkan sesuatu prinsip hukum berdasarkan ijihad mereka sendiri. Diharuskan kepada mereka berbuat demikian kerana lazimnya golongan ini mempunyai kemampuan untuk memahami dengan terperinci serta berpegang kepada dalil-dalil yang kuat berdasarkan kajian, penelitian mendalam serta zann yang kuat terhadap sumber-sumber hukum yang mereka fahami.

Golongan kedua pula ialah umat Islam yang berkemampuan untuk mengkaji dan memahami nas-nas syara' yang boleh membantu mereka melakukan pilihan atau tarjih terhadap nas-nas syara' berdasarkan garis panduan yang



telah diakui oleh ulama Usul. Sekalipun golongan ini boleh melakukan pilihan terhadap nas-nas bagi sesuatu ketetapan hukum syara' tetapi mereka tidak boleh melakukan ijtihad dalam menentukan sesuatu hukum.

Golongan ini adalah dianggap sebagai orang-orang alim di dalam ilmu-ilmu Islam. Sementara golongan seterusnya adalah umat Islam yang tidak mempunyai kedua-dua ciri tersebut serta memerlukan pimpinan dan panduan daripada kedua-dua golongan di atas dalam melaksanakan sesuatu ketetapan hukum syara'. Golongan inilah yang diklasifikasikan sebagai orang-orang awam atau *muqallid*.


Kesan daripada pembahagian ini seterusnya akan mewujudkan perbezaan cara dan sikap umat Islam khususnya dari aspek penerimaan dan pelaksanaan sesuatu ketetapan hukum yang telah ditentukan oleh Allah kepada setiap mukallaf. Perbezaan taraf seseorang muslim sehingga menyebabkan para ulama mengklasifikasikan umat Islam kepada golongan-golongan tersebut sebenarnya dinilai daripada perbezaan kemampuan mereka dalam menguasai ilmu-ilmu Islam.

Bagi golongan mujtahid mereka boleh mengeluarkan hukum yang tidak jelas daripada nas dengan ijtihad mereka sendiri, manakala orang-orang alim pula boleh menguatkan sesuatu ketetapan hukum yang dipegang dengan melihat dalil-dalil dan hujah-hujah yang menjadi sokongan kepadanya, oleh itu mereka boleh membuat pilihan (tarjih) terdapat sesuatu ketetapan hukum yang telah ditetapkan. Orang awam pula hanya mengikut prinsip-prinsip hukum yang telah ditetapkan dengan panduan daripada golongan alim dan mujtahid<sup>2</sup>.

Sungguhpun daripada perbincangan di atas menunjukkan wujudnya tiga golongan umat Islam hasil daripada pandangan ulama Usul, namun hanya golongan kedua dan ketiga sahaja yang diharuskan bertaklid kepada pandangan-pandangan ulama mujtahid manakala golongan mujtahid secara umumnya tidak dibenarkan berbuat demikian. Tegahan tersebut adalah melihat kepada kemampuan mereka untuk menentukan sesuatu ketetapan hukum tambahan pula pandangan-pandangan daripada golongan inilah yang menjadi panduan dan ikutan kepada orang-orang awam. Keharusan bertaklid kepada orang-orang awam pula adalah suatu *rukhsah*<sup>3</sup> kerana kelemahan mereka malah bertaklid kepada pandangan para mujtahid boleh membantu golongan tersebut melaksanakan hukum-hukum yang ditaklifkan dengan lebih sempurna.

Sungguhpun demikian keharusan tersebut bukanlah bermaksud mereka boleh bertaklid secara membuta tuli terhadap sesuatu ketetapan para mujtahid malah ianya dianggap tercela sekiranya telah jelas pandangan yang mereka ikuti itu bertentangan dengan ketetapan hukum<sup>4</sup>. Sehubungan dengan keharusan tersebut perlu diperjelaskan apakah maksud *taklid* serta sejauhmanakah keharusan tersebut dibenarkan oleh syara'?





## PENGERTIAN TAKLID


Dari sudut bahasa, taklid diambil dari perkataan Arab *al-Qiladah* yang memberi maksud rantai leher<sup>5</sup>, oleh itu orang yang bertaklid dianggap memakai rantai di lehernya seterusnya menyebabkan mereka seolah-olah dibelenggu oleh rantai tersebut. Dalam kata lain orang yang bertaklid akan menjadi terikat dengan sesuatu kepercayaan dan pandangan yang diikuti oleh mereka. Sementara itu, maksud taklid menurut istilah *syara'* pula menggambarkan suatu kepercayaan dan amalan secara ikut-ikutan terhadap sesuatu hukum yang telah difatwakan oleh para ulama terdahulu tanpa melakukan apa-apa kajian mengenainya. Malah lebih dari itu golongan yang bertaklid beranggapan fatwa-fatwa tersebut dianggap wajib diikuti serta dipatuhi oleh semua orang Islam.<sup>6</sup>

Sehubungan dengan itu orang-orang yang bertaklid boleh diklasifikasikan sebagai orang-orang yang berpegang kepada pendapat-pendapat ahli hukum yang terdahulu<sup>7</sup>, dalam ayat lain bermaksud percaya, berpegang dan mengamalkan tanpa hujah<sup>8</sup> terhadap pendapat-pendapat mereka tanpa membantah atau cuba mencari kebenaran dan kesahihan kata-kata ahli hukum tersebut.

Daripada maksud di atas dapatlah dikatakan bahawa amalan bertaklid adalah suatu pegangan dan kepercayaan kepada hukum-hukum yang telah difatwakan oleh para ulama terdahulu malah tidak keterlaluan pegangan terhadapnya boleh melahirkan suatu sikap bahawa fatwa-fatwa tersebut perlu dipatuhi.<sup>9</sup> Malah perbuatan melanggar sesuatu fatwa tersebut akan dianggap sebagai satu kesalahan pada pandangan mereka. Sungguhpun dari satu aspek amalan bertaklid ini bertentangan dengan konsep ijтиhad yang menekankan penelitian mendalam kepada maksud dan pengertian al-Quran dan al-Sunnah dalam membuat satu kesimpulan mengenai sesuatu hukum.<sup>10</sup> Namun, bertaklid sebegini adalah satu kemudahan yang diberikan oleh Islam kepada umatnya.

Amalan bertaklid sebegini adalah memberikan satu kemaslahatan kepada umat Islam kerana jika dilihat dari aspek kemampuan berijтиhad adalah mustahil setiap orang Islam untuk berbuat demikian. Jadi, tanpa penggantungan kepada pandangan *fuqaha'* terdahulu sudah pasti banyak permasalahan yang timbul dalam masyarakat tidak akan dapat diselesaikan. Melihat kepada kepentingannya kepada umat Islam maka pada umumnya amalan bertaklid adalah diharuskan kepada umat Islam yang tidak mampu berijтиhad bagi menjamin kemaslahatan serta kemudahan kepada mereka untuk melaksanakan sesuatu kewajipan yang ditaklifkan kepada mereka<sup>11</sup>.

Sekalipun pada dasarnya adanya keharusan bertaklid kepada pandangan-pandangan *fuqaha'* terdahulu namun, terdapat dua bahagian taklid<sup>12</sup> yang juga turut berbeza kedudukan hukumnya iaitu *taklid* yang terpuji (*taqlid mahmud*) dan *taklid* yang dikeji (*taqlid mazmum*). *Taklid* terpuji adalah amalan



bertaklid bagi orang-orang yang tidak mampu melakukan *ijtihad* terhadap masalah-masalah *ijtihadiyyah*<sup>13</sup> yang telah ditetapkan kedudukan hukumnya oleh para ulama. Sementara *taklid* yang dilarang pula terjadi dengan sebab wujudnya dua keadaan<sup>14</sup> iaitu:


- i. Bertaklid kepada sesuatu perkara yang bertentangan dengan nas-nas yang telah diturunkan oleh Allah malah lebih dari itu ialah berpaling daripada keterangannya yang telah jelas seperti mengutamakan pandangan-pandangan nenek moyang yang jahil dan para pemerintah.
- ii. Taklid kepada pandangan seseorang yang tidak mempunyai kelayakan dalam menentukan hukum berhubung sesuatu masalah yang timbul. Sebagai contoh bertaklid kepada seseorang yang jahil tentang agama dalam masalah-masalah yang memerlukan penentuan hukum daripada para ulama yang berkelayakan dalam bidang tersebut. Larangan tersebut adalah didorong oleh faktor yang berkemungkinan sesuatu fatwa yang diputuskan daripada bukan orang berkelayakan terdedah kepada kesilapan.

Berhubung dengan perkara ini para ulama mazhab empat seperti Imam Abu Hanifah, Imam Malik, Imam Syafie dan Imam Ahmad bin Hanbal juga melarang umat Islam bertaklid kepada mereka tanpa adanya sokongan daripada dalil-dalil atau pandangan daripada para ulama.<sup>15</sup>

Daripada perbincangan ini, jelaslah bahawa sekalipun amalan bertaklid diharuskan namun masih terikat dengan syarat-syarat tertentu seperti tidak bertaklid secara membuta tuli serta tanpa perasaan taksub di samping mengikut panduan dan penjelasan yang dikemukakan oleh seseorang alim yang menjadi ikutannya.

## KEMUNCULAN AMALAN TAKLID

Kemunculan amalan taklid dikatakan telah bermula pada awal kurun ke 4 Hijrah<sup>17</sup> sehingga kejatuhan Kota Baghdad kepada kerajaan Hulagu tahun 656 Masehi. Kesan dan amalan taqlid yang membuta tuli itu telah mengakibatkan berlakunya perpecahan di kalangan umat Islam yang ketara di samping turut membantunkan perkembangan hukum Islam dan juga sosio-ekonomi negara. Para ulama ketika itu tidak berani mengeluarkan pendapat mereka sendiri kerana merasakan tidak layak berijtihad walaupun hakikatnya mereka layak berbuat demikian atau dalam kata lain wujudnya fahaman bahawa pintu *ijtihad* telah tertutup.<sup>18</sup>



Kesan yang lebih buruk daripada situasi tersebut ialah mereka berpendapat sudah menjadi kewajipan kepada umat Islam bertaklid kepada imam-imam mazhab. Lantaran itu wujudlah pembatasan penerimaan kaedah-kaedah hukum fiqh daripada mazhab-mazhab yang diikuti sahaja. Keadaan ini terus berkembang dalam pengajian yang membataskan penggunaan kitab-kitab yang telah sedia ada dan mengikuti hukum-hukum daripada mazhab-mazhab tertentu.

Tidak ada ulama yang berani mengeluarkan pendapat bertentangan dengan fatwa-fatwa imam-imam mereka sekalipun mereka berkelayakan. Justeru, lahirlah pengikut yang “fanatik mazhab” malah timbulnya usaha-usaha di kalangan para ulama menyeru umat Islam berpegang teguh kepada mazhab-mazhab tertentu. Seterusnya keadaan itu telah menjadi faktor yang membekukan pemikiran kerana umat Islam hanya terikat kepada sesetengah mazhab yang mereka ikuti sahaja<sup>19</sup>.

Justeru, ijтиhad hanya dilakukan oleh segolongan kecil umat Islam yang berkemampuan serta memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan sebagai seorang mujtahid. Sebaliknya majoriti umat Islam pula menerima saja segala fatwa yang telah diijtihadkan dengan senang hati.<sup>20</sup>

Walaupun jika dilihat dari aspek perkembangan hukum, amalan ini tidak memberi sumbangan yang positif namun amalan bertaklid ini dapat menjadi satu kaedah yang boleh menyelesaikan banyak masalah di dalam masyarakat di samping boleh mengelakkan masalah tergendala dalam mencari hukum atau jalan penyelesaian kepada sesuatu persoalan yang timbul.




## HUKUM BERTAKLID DALAM MASALAH FIQH (FURU') DAN MASALAH AQIDAH (USUL)

Meskipun wujud keharusan bertaklid namun persoalannya ialah sejauhmanakah keharusan tersebut dibenarkan oleh Islam? Sekalipun diasaskan kepada faktor amalan tersebut boleh membantu dan menjadi satu jalan penyelesaian masalah di dalam masyarakat, namun perlu diberi perhatian bahawa keharusan tersebut bukanlah bersifat mutlak. Ia hanya melibatkan beberapa perkara yang telah ditetapkan oleh para ulama kerana secara umumnya dalam persoalan agama, umat Islam terikat dengan dua jenis ketetapan hukum iaitu hukum-hukum fekah (masalah *furu'*) dan ‘aqidah (masalah *usul*)<sup>21</sup>.

Dalam membahaskan keharusan bertaklid para ulama seperti al-Ghazali, al-Syirazi, al-Basri al-Mu’tazily dan Badran al-Duwani telah menegaskan bahawa tidak dibenarkan bertaklid sama sekali dalam masalah yang bersangkutan dengan akidah dan keimanan. Hujah mereka terhadap larangan tersebut adalah kerana prinsip-prinsip akidah berkait rapat dengan keyakinan dan kepercayaan dalam hati. Oleh itu, setiap umat Islam mestilah mempelajarinya bagi memastikan





wujudnya keyakinan yang benar-benar mantap berteraskan ilmu pengetahuan yang telah mereka pelajari. Jadi wajib ke atas setiap orang Islam untuk mempelajarinya<sup>22</sup>.

Al-Imam al-Syirbini dalam hal ini berkata

*“ Sesungguhnya orang awam tidak dibenarkan bertaklid dalam masalah Usul kerana mereka itu boleh mempelajari dan menyelidiki daripada dalil-dalil yang bersifat Ijmali<sup>23</sup>”.*

Justeru, perkara-perkara yang termasuk dalam larangan tersebut merangkumi masalah-masalah berkaitan dengan mengenal Allah, sifat-sifatNya, mengenal para Rasul dan lain-lain yang termasuk dalam kategori ilmu-ilmu aqidah.<sup>24</sup> Sungguhpun demikian sebahagian daripada ulama Syafie dan Ibn. Hasan al-‘Anbari menyatakan bahawa orang-orang Islam juga dibenarkan bertaklid dalam masalah aqidah<sup>25</sup>, namun pendapat ini telah ditolak oleh al-Ghazzali dan al-Syirazi<sup>26</sup> yang berpendapat pandangan ini jelas bercanggah dengan maksud ayat<sup>27</sup>:


بَلْ قَالُوا إِنَّا وَجَدْنَا عَابَاءَنَا عَلَىٰ أُمَّةً وَإِنَّا عَلَىٰ عَاثِرِهِمْ مُهْتَدُونَ (٢٣)

*“ Bahkan mereka (hanyalah) berkata: “ Sesungguhnya kami telah mendapatkan datuk nenek kami menurut satu jalan agama, dan sesungguhnya kami beroleh pertunjuk menurut jejak mereka sahaja.”<sup>28</sup>*

Ayat ini dengan jelas mencela amalan ikut-ikutan membuta tuli (taklid buta) terhadap ajaran-ajaran yang dibawa dan diamalkan oleh golongan terdahulu. Celaan itu berdasarkan kepada perbuatan sedemikian yang tidak bersandarkan kepada akal mahupun dalil-dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah. Oleh itu perbuatan seumpamanya juga turut dianggap satu larangan daripada Islam.

Rasionalnya, Islam melarang perbuatan tersebut kerana akan menyumbang kepada timbulnya sifat malas dan membuntukan fikiran untuk mencari kebenaran apakah lagi untuk melakukan pengkajian dan penelitian kepada sesuatu perkara yang diikuti bagi membuktikan dan memastikan kebenarannya terutama dalam perkara-perkara keimanan<sup>29</sup>.

Meskipun demikian, para ulama telah bersepakat malah tidak timbul banyak perselisihan di kalangan mereka mengenai keharusan bertaklid dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan prinsip hukum syara’. Kebenaran ini



diberikan kepada “orang-orang awam” mengenai hukum-hukum yang bersangkut paut dengan ibadah, muamalat dan selain kedua-duanya yang tidak melibatkan prinsip-prinsip aqidah dan keimanan<sup>30</sup>.

Bagi menjelaskan keadaan ini para ulama’ seperti Imam Syafie<sup>31</sup> Al-Syirazi al-Syafie, Al-Amidi, Ibn. Qudamah<sup>32</sup>, al-Anbari<sup>33</sup>, al-Syirazi<sup>34</sup> dan al-Amidi<sup>35</sup> telah membahagikan hukum syara’ kepada dua keadaan. Dalam keadaan pertama, taklid tetap tidak dibenarkan khususnya dalam perkara-perkara yang bersangkutan dengan prinsip-prinsip hukum Islam. Menjadi satu kewajipan ke atas setiap individu untuk mengetahui kedudukan hukum-hukum tersebut seperti kewajipan sembahyang lima waktu, kewajipan berzakat, berpuasa, hukum pengharaman zina, pengharaman arak dan seumpamanya yang dikategorikan sebagai hukum-hukum *taklifi*.


Tegahan bertaklid dalam perkara-perkara berkenaan adalah kerana setiap individu yang mengaku dirinya muslim wajib mengetahui kedudukan dan status hukum tersebut untuk memudahkan mereka mematuhi segala prinsip yang terdapat di dalamnya. Namun demikian, taklid dibolehkan terhadap aspek-aspek lain yang sukar diketahui apatah lagi yang memerlukan kajian dan penelitian secara mendalam dengan berpandukan al-Quran dan al-Sunnah seperti perkara-perkara cabang dalam ibadah, muamalat, munakahat dan lain-lain yang termasuk di dalam hukum-hukum Syariah<sup>36</sup>.

Kebenaran ini berdasarkan alasan bahawa kebanyakan orang awam tidak mampu untuk mengkaji, memahami serta meneliti secara mendalam tentang maksud ayat al-Quran, hadith, ijma’ dan lain-lain sumber hukum Islam. Apatah lagi lazimnya kajian tersebut mengambil masa yang lama malah akan mendatangkan kesulitan kepada masyarakat umum sekiranya disyaratkan demikian untuk mendapat kepastian bagi sesuatu hukum dalam ibadah dan lain-lain.<sup>37</sup>

Sehubungan dengan itu, taklid kepada pendapat-pendapat mujtahid terdahulu dibenarkan dalam perkara-perkara tersebut. Keharusan ini adalah datangnya daripada Allah s.w.t. melalui firmanNya yang berbunyi:<sup>38</sup>

وَمَا أَرْسَلْنَا قَبْلَكَ إِلَّا رِجَالًا نُوحِنِي إِلَيْهِمْ فَسَأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ  
إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿٧﴾

“Dan Kami tidak mengutus Rasul-rasul sebelummu (wahai Muhammad) melainkan orang-orang lelaki yang Kami wahyukan



*kepada mereka (bukan malaikat); maka bertanyalah kamu kepada ahl al-Dzikr jika kamu tidak mengetahui “.*


Dalam melihat golongan manakah yang boleh diikuti, al-Imam Fakhrurazi dan al-Imam al-Tabari dalam kitab tafsiran mereka ke atas ayat tersebut menyatakan bahawa *ahl al-Dzikr* yang dimaksudkan dalam ayat tersebut ialah para mujtahid yang *faqih* tentang al-Quran dan al-Sunnah kerana mereka ini patuh kepada segala perintah dan prinsip-prinsip daripada kedua-duanya. Oleh itu, orang awam hendaklah merujuk kepada fatwa-fatwa terdahulu yang telah dikeluarkan oleh mereka dan diharuskan juga seseorang mujtahid mengambil fatwa-fatwa daripada mujtahid lain<sup>39</sup>.

Jadi, dapat disimpulkan bahawa keharusan bertaklid hanya dibenarkan dalam perkara-perkara seperti cara bersembahyang, kaedah pengeluaran zakat dan lain-lain perkara cabang dalam ibadah sahaja. Namun keharusan ini tidak termasuk dalam menentukan status hukum beribadah itu sendiri seperti kewajipan bersembahyang, menunaikan zakat, mengerjakan ibadah haji dan sebagainya kerana setiap orang Islam wajib mengetahui status hukum-hukum tersebut. Sebagai contoh amalan menunaikan zakat fitrah dengan nilai mata wang adalah bertaklid kepada pandangan mazhab Hanafi<sup>40</sup> manakala berzakat dengan hasil tanaman adalah bertaklid kepada pandangan jumhur daripada mazhab Maliki, Syafie dan Hanbali<sup>41</sup>.

Sebagaimana yang telah dijelaskan bahawa taklid diharuskan ke atas umat Islam dalam perkara-perkara yang bersangkutan dengan hukum-hukum syara'. Namun demikian tidak semua umat Islam dibenarkan berbuat demikian. Dalam membincangkan persoalan taklid ini, dua unsur utama yang perlu dijelaskan di sini kerana kedua-duanya berkait rapat dalam persoalan ini. *Muqallid* dan *muqallad* adalah dua golongan yang berkait secara langsung dengan persoalan ini bahkan sah atau tidaknya amalan bertaklid juga turut berkait rapat dengan kedua-duanya.

*Muqallad* adalah golongan yang menjadi ikutan manakala *muqallid* pula ialah umat Islam yang menjadi pengikut kepada sesuatu prinsip hukum yang telah diputuskan oleh muqallad tadi. Dalam membincangkan kedua-dua kategori ini yang menjadi penyumbang kepada wujudnya budaya taklid, para ulama' mempunyai persepsi dan pandangan tersendiri dalam menentukan kedua-dua kategori tersebut. Al-Amidi menegaskan bahawa hukum bertaklid adalah harus malah boleh menjadi wajib bagi mereka yang tidak mencapai taraf sebagai mujtahid<sup>42</sup>.

Kenyataan ini dikuatkan dengan ayat di atas dan juga dipersetujui oleh ulama-ulama lain yang turut menyatakan taklid hanya dibolehkan ke atas orang-orang awam<sup>43</sup>. Oleh itu, golongan ini diharuskan mengikut orang-orang yang lebih alim dan beramal dengan pendapat-pendapat mereka<sup>44</sup>.



Persoalannya di sini ialah sejauhmanakah konsep “orang awam” ini boleh digunakan. Adakah ia hanya merangkumi masyarakat desa atau orang-orang Islam yang tidak mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam ilmu-ilmu agama sahaja atau lebih daripada itu ?


Dalam menjelaskan konsep ini ulama *Usul Fiqh* telah mengkategorikan “orang awam” sebagai selain daripada ulama mujtahid iaitu mereka yang memiliki syarat-syarat sempurna untuk berijtihad. Berhubung dengan syarat-syarat untuk melayakkan seseorang berijtihad para ulama usul seperti al-Ghazali, al-Syatibi, al-Baidhawi dan al-Amidi mempunyai pandangan yang berbeza tentang syarat-syarat tersebut. Ulama-ulama tersebut masing-masing telah meletakkan dua syarat untuk mencapai taraf mujtahid.

Al-Ghazali<sup>45</sup> mensyaratkan seseorang mujtahid itu mestilah berkemampuan menguasai sumber-sumber hukum dalam Islam seperti al-Quran, al-Hadith, Ijma’ dan lain-lain seterusnya mampu mengeluarkan hukum dengan menggunakan sumber-sumber tersebut mengikut autoriti kedudukannya. Selain itu, beliau juga meletakkan syarat adil sebagai tambahan kepada syarat pertama. Syarat adil ini penting kerana menurut beliau fatwa seseorang mujtahid wajib diikuti sekiranya ianya mempunyai sifat sedemikian. Jika syarat tersebut tidak ada, maka tidak menjadi suatu kewajipan ke atas orang awam untuk mengikuti fatwa-fatwa yang dikeluarkannya. Sungguhpun demikian, seseorang mujtahid boleh berijtihad untuk dirinya sekalipun sifat tersebut tidak wujud dalam dirinya. Jadi, syarat tersebut hanya perlu sebagai syarat penerimaan orang lain terhadap fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh seseorang mujtahid.

Al-Syatibi<sup>46</sup> pula menetapkan seseorang mujtahid itu mestilah memahami tujuan-tujuan pensyariatan hukum dengan sempurna serta berkebolehan menetap dan mengeluarkan sesuatu hukum berdasarkan kefahamannya yang mendalam terhadap tujuan-tujuan sesuatu hukum itu disyariatkan. Kefahaman terhadap perkara ini sangat penting agar hukum-hukum yang diijtihadkan oleh seseorang mujtahid akan menepati kemaslahatan umum.

Sementara al-Baidhawi dan al-Amidi juga meletakkan dua syarat yang melayakkan seseorang itu bergelar mujtahid. Syarat pertama yang ditetapkan ialah seseorang itu mestilah seorang mukmin yang mukallaf<sup>47</sup>. Daripada pandangan tersebut dapat difahami bahawa seseorang orientalis yang mahir dalam semua ilmu-ilmu Islam tidak layak melakukan ijтиhad kerana tidak memenuhi syarat ini. Manakala syarat kedua pula yang ditetapkan oleh kedua-dua ulama ini ialah seseorang itu hendaklah alim dengan sumber-sumber hukum dan bahagian-bahagiannya seperti hukum-hukum taklifi dan wadhei’ serta kaedah-kaedah menetapkan sesuatu hukum<sup>48</sup>.


Dengan wujud syarat-syarat yang berbeza-beza ini, Dr. Wahbah al-Zuhailiy<sup>49</sup> telah membuat satu rumusan berdasarkan pandangan-pandangan para ulama dengan menyatakan bahawa seseorang mujtahid itu mestilah mempunyai syarat-syarat berikut iaitu:



- i. Mampu mengetahui maksud<sup>50</sup> ayat-ayat al-Quran dengan sempurna sama ada dari aspek bahasa dan istilah *syara'*<sup>51</sup>. Sungguhpun demikian tidak disyaratkan seseorang itu menghafal ayat-ayat al-Quran malah yang paling penting ialah boleh melakukan rujukan yang tepat kepada sesuatu ayat ketika memerlukan beliau berbuat demikian. Sungguhpun demikian secara umumnya para ulama juga tidak menetapkan jumlah ayat al-Quran yang wajib diketahui dan dihafal oleh seseorang mujtahid melainkan al-Ghazali, al-Razi dan Ibn ‘Arabi sahaja yang mensyaratkan seseorang mujtahid mestilah mengetahui maksud sekurang-kurangnya lima ratus ayat<sup>52</sup>.
- ii. Berkebolehan menguasai hadith-hadith hukum. Seperti juga syarat penguasaan terhadap al-Quran seseorang mujtahid tidak diwajibkan menghafal semua hadith-hadith malah memadai mengetahuinya serta mampu melakukan rujukan kepadanya dalam mengeluarkan sesuatu hukum *syara'*. Demikian juga para ulama tidak mensyaratkan jumlah-jumlah hadith-hadith hukum yang perlu diketahui namun Ibn ‘Arabi menetapkan sekurang-kurangnya seseorang itu mestilah menguasai sejumlah tiga ribu hadith yang mempunyai kaitan dengan hukum-hukum *syara'*. Berhubung dengan persoalan ini Imam Hanbali juga menetapkan seseorang itu mestilah menguasai sekurang-kurangnya seribu dua ratus hadith<sup>53</sup>.

Pandangan ini turut disokong oleh Imam al-Syawkani<sup>54</sup> di mana beliau menambah bahawa sudah menjadi satu keperluan setiap mujtahid seharusnya mengetahui himpunan-himpunan hadith yang dikumpulkan oleh para ulama yang dihimpunkan dalam Sunan Sittah seperti Sahih Bukhari, Sahih Muslim, Sunan Abi Daud, al-Tirmidzi, al-Nasa'i dan Ibn Majah serta himpunan hadith daripada para periyawat lain. Selain daripada mampu menguasai hadith-hadith, seseorang mujtahid juga perlu mengetahui cara periyawatan sesebuah hadith sehingga hadith-hadith sampai kepada kita. Unsur-unsur ini perlu dikuasai dan diketahui dengan jelas untuk memastikan kedudukan sesebuah hadith yang diterima sebagai sumber hukum<sup>55</sup>.

- iii. Penguasaan ilmu *nasikh* dan *mansukh* bagi al-Quran dan Hadith. Penguasaan ilmu ini berperanan sebagai panduan melakukan ijтиhad kerana ianya dapat mengelakkan seseorang mujtahid daripada berpegang kepada sesuatu nas yang telah dimansuhkan hukumnya<sup>56</sup>. Tambahan kepada syarat tersebut seseorang mujtahid disyaratkan perlu mengetahui masalah-masalah berhubung dengan *ijma'* dan kedudukannya seperti cara-cara melakukan *ijma'*, syarat-syaratnya serta perkara-perkara lain yang mempunyai hubung kait dengannya. Ini penting bagi mengelakkan fatwa-fatwa yang diputuskan oleh seseorang mujtahid tidak bertentangan dengan *ijma'*<sup>57</sup>.




- iv. Mahir terhadap selok-belok Qiyas juga turut diambil kira kerana Qiyas merupakan kaedah untuk melakukan ijtihad. Tambahan pula kebanyakan hukum-hukum yang bersifat terperinci dan permasalahan-permasalahan yang tidak terdapat di dalam nas secara jelas adalah ditentukan kedudukan hukumnya melalui kaedah tersebut<sup>58</sup>.
- v. Melihat kepada sumber-sumber hukum yang paling utama dalam Islam seperti al-Quran dan al-Sunnah berteraskan bahasa Arab maka kemahiran dalam menguasai bahasa tersebut turut diletakkan sebagai salah satu syarat seorang mujtahid. Penguasaan bahasa tersebut adalah merangkumi aspek ilmu tatabahasanya seperti ilmu Nahu dan Saraf, gaya bahasanya seperti Ilmu Badi' dan ilmu-ilmu lain yang membincangkan aspek-aspek ketinggian bahasa Arab yang boleh membantu para mujtahid memahami nas-nas khususnya ayat-ayat al-Quran yang wujud dalam berbagai bentuk gaya bahasanya. Oleh itu adalah mustahil untuk berijtihad tanpa penguasaan bahasa tersebut lantaran keperluannya untuk memahami nas-nas syara'<sup>59</sup>.

Sungguhpun demikian tahap penguasaan tersebut bukanlah disyaratkan sehingga mencapai tahap *faqih* dalam bahasa Arab seperti Sibawaiah malah yang dikehendaki adalah berkemampuan untuk memahami dan membezakan bentuk-bentuk perintah dalam al-Quran dan Hadith yang datang dalam berbagai bentuk seperti nas yang bersifat *mutlak*, *muqayyad*, umum, khusus dan seumpamanya<sup>60</sup>. Melihat kepada kepentingannya, terdapat ulama seperti al-Syahrastani meletakkannya syarat pertama kerana berpendapat bahasa Arab adalah alat yang paling utama untuk mengetahui letak duduknya kehendak maksud sesuatu nas syara'<sup>61</sup>.

- vi. Berpengetahuan yang luas dalam ilmu Usul Fiqh dan mengetahui matlamat pensyariatan hukum juga diambil kira dalam menentukan taraf seseorang mujtahid. Kedua-dua ilmu ini mempunyai kepentingannya yang tersendiri malah kedua-duanya dianggap sebagai asas kepada pembinaan sesuatu ijtihad<sup>62</sup>. Dengan ilmu Usul Fiqh seseorang mujtahid dapat mengetahui bentuk-bentuk hukum daripada sesuatu dalil seperti suruhan, larangan, hukum-hukum yang berbentuk umum, khusus dan sebagainya<sup>63</sup>.

Memahami matlamat-matlamat pensyariatan hukum turut diberikan penekanan lantaran seseorang mujtahid sewajarnya menetapkan hukum selari dengan matlamat umum hukum syara'. Jika aspek ini tidak ada pada seseorang mujtahid berkemungkinan akan berlakunya hukum-hukum yang diputuskan menyalahi kemaslahatan umum dan matlamatnya yang sebenar<sup>64</sup>.




Daripada syarat-syarat tersebut dapat disimpulkan bahawa untuk mencapai tahap sebagai mujtahid perlulah bagi seseorang itu menguasai seluruh ilmu-ilmu Islam merangkumi sumber-sumber hukum syara' yang utama seperti al-Quran dan al-Sunnah di samping penguasaan mereka terhadap sumber-sumber hukum yang kedua seperti Ijma' dan Qiyas. Selain itu penguasaan ilmu-ilmu yang bersifat membantu memahami dalil-dalil tersebut seperti ilmu nasikh mansukh, ilmu hadith, bahasa Arab serta penguasaan ilmu Usul Fiqh sebenarnya menjadi sokongan kerana boleh membantu para mujtahid menetapkan sesuatu hukum bertepatan dengan kehendak syariat itu sendiri. Justeru itu, sekiranya syarat-syarat tersebut tidak ada pada seseorang sekalipun ia alim<sup>65</sup> maka mereka adalah tergolong dalam kategori orang-orang awam yang diharuskan bertaklid kepada pandangan para mujtahid.

Sekiranya seseorang Islam mempunyai syarat-syarat tersebut maka layaklah baginya untuk mengeluarkan hukum berdasarkan ijihad mereka sendiri. Sehubungan dengan itu mereka tidak dibenarkan bertaklid kepada mujtahid lain sama ada yang setaraf atau yang lebih tinggi tarafnya daripada mereka sekalipun dalam keadaan wujudnya kebimbangan akan hilang peristiwa yang menuntut penetapan hukum segera<sup>66</sup>. Walaupun begitu terdapat ulama yang mengharuskan taklid mujtahid kepada mujtahid lain sekiranya sesuatu masalah memerlukan penetapan hukum yang segera. Pendapat ini dikemukakan sebahagian ulama mazhab Syafie seperti Ibn. Nasir, Ibn. Suraij dan lain-lain<sup>67</sup>.

Selain itu keharusan tersebut juga hanya dibolehkan dalam kes-kes yang memerlukan penetapan hukum segera kerana ditakuti lenyapnya masalah tersebut jika tidak ditentukan hukum dengan segera. Pandangan ini adalah lebih praktikal kerana untuk mencari dan menentukan hukum bagi sesuatu masalah lazimnya mengambil masa kerana perlukan pengkajian, penelitian secara terperinci kepada al-Quran dan al-Sunnah<sup>68</sup>.

Melihat kepada perbincangan di atas jelaslah bahawa keharusan bertaklid hanya dibolehkan kepada umat Islam yang dikateorikan sebagai orang awam namun terdapat pandangan yang mengharuskan seseorang mujtahid bertaklid kepada mujtahid lain melihat kepada kemaslahatan seperti dalam kes yang memerlukan penjelasan hukum yang segera. Oleh itu jelaslah bahawa orang-orang awam yang dimaksudkan adalah yang tidak mempunyai syarat-syarat seseorang mujtahid. Dari itu keharusan ini turut merangkumi alim ulama yang pakar dalam ilmu-ilmu agama kerana sekalipun mereka mampu untuk menilai sesuatu hukum yang telah ditetapkan oleh para ulama mujtahid tetapi taraf mereka sebenarnya tidak sama dengan golongan tersebut.



## HUKUM BERTAKLID KEPADA ALIRAN MAZHAB-MAZHAB FIQH DAN BERPINDAH MAZHAB


Satu asas hukum telah diketahui bahawa taklid dibenarkan dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan persoalan hukum syara' (persoalan fekah). Keharusan amalan tersebut dibenarkan dalam keadaan bertaklid kepada para mujtahid. Namun persoalannya bagaimanakah kedudukannya jika seseorang Islam hanya bertaklid kepada ulama-ulama mazhab tertentu sahaja seperti bertaklid kepada mazhab Hanafi, Maliki, Syafie dan Hanbali dalam semua keadaan? Seterusnya bagaimanakah pula kedudukan hukumnya apabila seseorang bertaklid dengan cara berpindah-pindah mazhab<sup>69</sup>?

Berhubung dengan persoalan pertama iaitu bertaklid kepada mazhab-mazhab tertentu, kedudukannya boleh ditentukan dengan melihat kepada keadaan status seseorang muslim. Sekiranya statusnya adalah mujtahid, maka mereka pada asasnya adalah dilarang bertaklid kepada mana-mana mazhab kerana mereka wajib mengetahui segala hukum dari sumbernya yang asli dengan cara pengkajian, penelitian dan ijтиhad. Manakala orang alim pula wajib mengikut ulama mujtahid dengan memohon fatwa daripada ulama mujtahidin ataupun dengan cara merujuk kitab-kitab muktabar dalam sesuatu mazhab dengan mengambil pendapat yang *rajih*. Sungguhpun demikian golongan ini juga termasuk dalam kategori orang awam dan mereka hendaklah mengikut salah satu mazhab yang dipilih dari mazhab-mazhab yang masyhur<sup>70</sup>.

Sekalipun wujudnya keharusan ke atas orang-orang awam bertaklid kepada mazhab-mazhab tertentu para ulama tidak sependapat dalam masalah kewajipan golongan tersebut untuk terikat dengan sesuatu mazhab. Pandangan golongan pertama<sup>71</sup> menyatakan seseorang Islam terikat dengan sesuatu mazhab yang diikutinya. Jadi sekiranya mereka telah berpegang dengan sesuatu mazhab maka tidak harus bagi mereka bertaklid dengan pandangan mazhab lain.

Sementara pandangan golongan kedua<sup>72</sup> pula tidak mewajibkan bertaklid kepada mazhab tertentu dalam semua permasalahan malah harus bertaklid kepada mana-mana mujtahid sekalipun seseorang itu bermazhab Hanafi, Maliki, Syafie mahupun Hanbali. Mereka berpandangan demikian kerana tidak terdapat satu ketetapan atau perintah daripada Allah yang menunjukkan kewajipan tersebut apatah lagi amalan sedemikian juga tidak pernah wujud mahupun berlaku pada zaman sahabat, *tabi'in* dan juga *tabi' al-tabi'in*<sup>73</sup>.

Selain itu secara logiknya seseorang pengikut mazhab tidak seharusnya terus-menerus terikat kepada mazhab yang diikutinya sahaja disebabkan tiada satu ketetapan dalam syariat Islam yang memerintahkan umatnya berbuat demikian, malah amalan sedemikian sebenarnya boleh menyebabkan wujudnya kesukaran dan kesempitan sedangkan lahirnya mazhab-mazhab tersebut sebenarnya adalah satu kelebihan dan rahmat kepada umat Islam<sup>74</sup>.



Namun satu perkara yang tidak dapat dinafikan ialah Allah mewajibkan umat Islam mengikut para ulama tanpa mengkhususkan hanya ulama tertentu sahaja.<sup>75</sup> Apa yang berlaku pada orang-orang Islam pada abad pertama dan kedua Hijrah hanyalah melakukan taklid mutlak tanpa mengikat diri mereka kepada salah satu mazhab fiqh tertentu malah mereka mengikut sahaja pandangan-pandangan para mujtahid. Malah pada amalannya mereka juga meminta dan mengikut fatwa daripada semua mujtahid tanpa melihat latarbelakang mazhabnya. Jika dilihat daripada satu sudut sebenarnya cara begini adalah satu kaedah yang mudah bagi menyelesaikan masalah-masalah dalam kehidupan<sup>76</sup>. Oleh itu tidak timbul masalah bagi mereka untuk berpindah-pindah mazhab.


Imam Abu Syamah juga menegaskan bahawa para fuqaha tidak seharusnya terlalu fanatik kepada sesuatu mazhab dan dilarang bersifat anti kepada mazhab lain<sup>77</sup>.

Pendapat ini juga selari dengan pendapat Imam Syafie sepertimana yang dikemukakan oleh al-Muzani yang melarang orang ramai dari bertaklid kepadanya, sebaliknya menyuruh mereka mengikuti sunnah Rasulullah s.a.w. sahaja<sup>78</sup>.

Al-Muzani juga turut menguatkan pandangannya dengan menyatakan bahawa Imam Syafie sendiri selalu menganjurkan orang-orang Islam bertaklid kepada Nabi malah beliau sendiri meminta murid-muridnya supaya tidak mengikut ucapan dan tindakannya dalam perkara-perkara yang mereka tidak begitu memahaminya<sup>79</sup>.

Sungguhpun demikian berpindah-pindah *mazhab* hanya diharuskan sekiranya bertujuan untuk sesuatu kepentingan agama tetapi perbuatan tersebut akan dicela sekiranya dilakukan dengan tujuan untuk menjaga kepentingan peribadi atau urusan keduniaan<sup>80</sup>. Pendapat ini juga turut diakui oleh Ibn. Hajar yang mengharuskan berpindah kepada *mazhab-mazhab* lain sama ada berpindah untuk selama-lamanya ataupun dalam keadaan-keadaan tertentu yang memerlukan berbuat demikian selagi tidak berlaku *talfiq*<sup>81</sup> dalam amalan tersebut<sup>82</sup>.

Dalam menentukan kedudukan berpindah-pindah mazhab, Imam Ahmad bin Hanbal membezakan di antara “*ittiba’*” dan “*taklid*” supaya jelas maksud berpindah-pindah yang dibenarkan oleh para ulama. Wajib hukumnya *ittiba’* kepada Rasul s.a.w. dan para sahabat baginda ke atas semua orang Islam sedangkan kedudukan seperti ini tidak berlaku pada taklid. Alasannya ialah kedudukan para sahabat adalah orang-orang yang paling bertakwa dan paling utama untuk diikuti sedangkan *tabi’in* dan orang-orang sesudahnya boleh diikuti mahupun sebaliknya. Perbezaan ini boleh membezakan kedudukan hukum mengikut golongan terdahulu kerana *muttabi’* adalah pengikut yang mengetahui Imamnya manakala muqallid adalah pengikut yang tidak mengetahui sumber-sumber hukum secara sepenuhnya yang dipegang oleh imamnya<sup>83</sup>.




Pendapat ini turut dipersetujui oleh Imam Sya'rani dengan menyandarkan alasan bahawa fuqaha besar dahulu tidak pernah menegah tindakan sebahagian orang Islam yang berpindah mazhab. Meskipun demikian mereka mestilah menjaga keberadaannya di dalam mazhab yang baru diikuti<sup>84</sup>. Oleh yang demikian umat Islam dibolehkan meminta fatwa daripada fuqaha lain dalam mencari kebenaran sesuatu hukum kerana untuk mencari fatwa yang lebih baik dengan keyakinan setiap mujtahid pastinya menetapkan sesuatu hukum berpandukan dasar-dasar hukum yang sah.

Pendapat yang lebih tegas berhubung persoalan ini dinyatakan oleh Ibn. Abdul Bar yang menegaskan bahawa tiada satu hadith pun sama ada hadith Sahih mahupun Dha'if yang menunjukkan wujudnya suruhan atau larangan kepada para sahabat oleh Nabi s.a.w. supaya mengikuti sesuatu mazhab apatah lagi untuk berpindah-pindah mazhab<sup>85</sup>. Apa yang pasti konsep mengikuti sesuatu mazhab dan berpindah-pindah mazhab adalah suatu perkara yang tidak ada nas-nas yang jelas menerangkan kedudukan hukumnya. Namun demikian sekiranya seseorang telah mengikuti sesuatu mazhab maka konsep *tasamuh* (toleran) terhadap mazhab-mazhab lain adalah sikap yang sentiasa wujud dalam *madrasah-madrasah fiqh* berlandaskan bahawa setiap fuqaha atau Imam Mujtahid sentiasa berada di atas jalan yang benar<sup>86</sup>.

Jika melihat kepada amalan berpindah-pindah mazhab ini, Imam Syafie sendiri pernah berbuat demikian kerana ketika berada di Iraq beliau sendiri dan Imam Syabani adalah pengikut mazhab Hanafi namun ketika berpindah ke Madinah ia mengikut mazhab Maliki kerana terpengaruh dengan mazhab tersebut dan mempelajari *al-Muwatta'* daripada Imam Malik dan ia terus terikat sebagai murid dan pengikut Imam Malik sehingga Imam Malik wafat di Mesir<sup>87</sup>.

Justeru itu pandangan yang paling *rajih* (terbaik) di kalangan para ulama ialah tidak timbul satu tuntutan untuk berpegang dengan sesuatu mazhab tertentu sahaja dan harus hukumnya menerima pandangan di luar mazhab yang diikuti untuk kebaikan umat Islam. Sehubungan dengan itu sikap fanatik kepada sesuatu mazhab sahaja boleh menimbulkan kesulitan dalam menentukan dasar-dasar hukum yang berkaitan dengan perkara-perkara baru seperti masalah perbankan, insuran dan lain-lain. Oleh itu fatwa atau pandangan daripada mazhab-mazhab fiqh yang lain seperti mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali boleh dijadikan rujukan dalam menentukan dasar-dasar hukum tersebut sebagai satu kaedah penyelesaiannya<sup>88</sup>.

Berdasarkan huraiyan yang lalu dapatlah diambil kesimpulan bahawa amalan bertaklid adalah salah satu bentuk penyelesaian atau kemudahan kepada umat Islam sekalipun ianya tidak pernah timbul pada zaman Nabi s.a.w. dan para sahabat. Namun demikian ianya adalah amalan yang diharuskan kerana untuk menentukan hukum sendiri adalah satu perkara yang mustahil bagi setiap orang Islam bahkan penentuan hukum hanya boleh dilakukan oleh mujtahid.




Justeru dengan bertaklid kepada pandangan para mujahid atau mazhab-mazhab diharuskan dalam perkara-perkara berkaitan hukum syara' sahaja kerana akidah atau keimanan melibatkan keyakinan dan kepercayaan yang kuat dalam hati. Walaupun begitu ini tidak bermakna seseorang yang menjadi pengikut kepada sesuatu mazhab tidak dibolehkan mengikut atau berpindah kepada mazhab lain dalam mencari fatwa atau mencari kebenaran ataupun kemudahan yang tidak bersifat kepentingan diri dan urusan keduniaan semata-mata.

Oleh yang demikian tidak timbul persoalan untuk mengatakan salah pada fatwa-fatwa daripada mazhab yang tidak menjadi pegangannya kerana setiap fatwa yang dikeluarkan oleh para mujahid pastinya tertegak di atas jalan atau dasar-dasar hukum yang sahih. Jadi keharusan bertaklid bukan hanya diharuskan kepada mazhab-mazhab tertentu malah boleh berpindah-pindah mazhab sekiranya bertujuan untuk mendapat kebaikan dan kemudahan dalam urusan keagamaan.

Keadaan sebegini adalah salah satu daripada prinsip Islam yang memberi *rukhsah* kepada umatnya dalam sesuatu perkara agama dengan mencari jalan penyelesaian yang terbaik tetapi masih di atas landasan yang ditetapkan oleh Islam. Sehubungan dengan itu dalam persoalan bertaklid kepada sesuatu mazhab kelonggaran ini boleh digunakan tetapi mestilah menjaga adab-adab yang telah ditetapkan oleh para ulama seperti bertaklid yang tidak membawa kepada berlakunya talfiq atau dalam kata lain mencampurkan pandangan-pandangan daripada mazhab-mazhab yang berbeza dalam satu ibadah atau bersikap fanatik pada mazhab-mazhab tertentu<sup>89</sup>. Selain itu amalan tersebut mestilah dilakukan dengan ikhlas bertujuan untuk memastikan sesuatu amalan itu dapat dilaksanakan dengan sempurna dan bukannya dengan niat untuk mencari jalan mudah berdasarkan pandangan daripada ulama-ulama yang berlainan<sup>90</sup>.

## KESIMPULAN

Secara umumnya dapat disimpulkan amalan bertaklid bukanlah suatu perkara yang ditegah secara mutlak di dalam Islam. Keharusan diberikan kepada umat Islam yang tidak mampu melakukan ijihad atau dalam kata lain adalah mereka yang termasuk dalam kategori orang-orang awam. Sungguhpun demikian keharusan hanyalah di dalam perkara-perkara yang bersifat masalah-masalah furi' bukannya aqidah. Berhubung dengan amalan bertaklid tersebut, pandangan majoriti daripada ulama Usul menyatakan umat Islam sekalipun diharuskan bertaklid, bukan bermakna ia wajib bertaklid kepada satu-satu mazhab atau terikat dengan mazhab tersebut. Pandangan daripada mazhab-mazhab lain boleh diikuti tetapi dalam keadaan menjaga adab dan kesopanan.




Ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa amalan bertaklid kepada para ulama sebenarnya memberi ruang yang cukup luas kepada umat Islam untuk memilih mana-mana pandangan yang boleh membantu mereka melaksanakan sesuatu ketetapan syara' dengan lebih sempurna.

Oleh itu penerusan budaya ini sebenarnya tidak melanggar batasan syara' malah ia boleh memberi kebaikan kepada umat Islam khususnya dalam menjadi panduan beribadah. Namun demikian taklid secara membabi buta dan sifat terlalu fanatik kepada satu-satu mazhab adalah merugikan umat Islam kerana ia bertetangan dengan kehendak Islam yang menitik beratkan kepentingan umat seluruhnya. Kebaikan daripada mana-mana mazhab perlu diambil oleh semua umat Islam lantaran sifat agama ini pada umumnya sejagat.

Justeru itu amalan bertaklid dalam masalah-masalah tersebut khususnya cara-cara berwudhu', sembahyang, berpuasa dan lain-lain hukum fekah adalah dibenarkan oleh Islam. Namun, tidak ada satu kelonggaran mahupun keharusan daripada para ulama' membenarkan bertaklid kepada perkara-perkara yang berkait dengan persoalan akidah. Larangan tersebut diasaskan dengan hujah bahawa tiada perselisihan di kalangan ulama tentang perkara-perkara tersebut lantaran prinsip-prinsipnya datang daripada Allah dalam bentuk yang jelas. Selain itu setiap umat Islam wajib mempelajari secara individu kerana keyakinan kepada perkara-perkara tersebut harus lahir daripada ilmu dan keyakinan bukan ikutan semata-mata.


Sekalipun Islam membenarkan keharusan bertaklid dalam persoalan hukum fekah ini bukanlah bermakna kebenaran tersebut bersifat umum kepada semua umat Islam. Jika kebenaran tersebut bersifat mutlak kepada semua sudah tentu akan memberi kesan negatif kepada perkembangan hukum Islam. Lantaran itu para fuqaha' telah sependapat memutuskan bahawa keharusan bertaklid hanya berlaku kepada "golongan orang awam" merangkumi umat Islam yang tidak mampu berijtihad untuk menentukan hukum secara bersendirian atau dalam kata lain tidak mencapai tahap mujtahid.

Daripada keterangan ini dapatlah difahami bahawa para ulama yang bertaraf mujtahid dilarang bertaklid kepada sesuatu ketentuan hukum daripada ulama lain kecuali dalam keadaan darurat. Istilah darurat yang dimaksudkan ialah situasi yang memerlukan penentuan hukum dalam kadar yang segera dan kelewatan menentukan hukum boleh memberi kesan kepada umat Islam serta boleh menyebabkan terhalangnya sesuatu perkara yang secara umumnya telah wajib dilaksanakan oleh umat Islam.




## NOTA HUJUNG

- <sup>1</sup> Al-Syatibi. 1992. *al-Itisam*. Kaherah: Dar Ibn 'Affan. Jil. 1, hlm. 337 – 345. Lihat juga al-Syirazi. 1985. *al-Luma' fi Usul al-Fiqh*. Beirut: Lubnan. Cet.1, hlm.126.
- <sup>2</sup> Al-Sayyid 'Alawi bin Ahmad al-Saqqaf, t.t., *Majmu'ah Sab'ah Kutub Mufidah*. Kaherah: Matba'ah Mustafa al – Babi al - Halabi wa Auladihi, hlm. 52.
- <sup>3</sup> Maksudnya dari sudut bahasa ialah keringanan dan kelonggaran. Dari sudut pandangan ulama' Usul Fiqh pula ialah memberi maksud keringanan dalam melaksanakan hukum-hukum yang disyari'atkan oleh Allah. Keringanan tersebut adalah diasaskan kepada keupayaan hamba-hambanya dengan meraikan kemaslahatan dan keperluan hambanya. Sungguhpun demikian sebab atau tujuan asal sesuatu hukum tersebut masih dikekalkan. Ini memberi maksud bahawa rukhsah adalah keringanan dan kemudahan yang diberikan oleh Allah kepada umat Islam khususnya berhubung sesuatu perintah yang tidak mampu untuk dilaksanakan tetapi masih terpelihara tujuan dan sebab sesuatu perintah tersebut. Contohnya keharusan memakan bangkai ketika darurat sebagai rukhsah yang bertujuan mengelakkan daripada mati. Keharusan tersebut hanyalah sekadar untuk memperolehi tenaga bukannya mengenyangkan. Ini kerana hukum asal memakan bangkai adalah haram. Jadi, rukhsah yang diberikan di sini adalah sebagai menjaga nyawa. Ibn. Amir al - Hajj, t.t. *al-Taqrir wa al – Tahbir al – Imam al – Kamal Ibn Humam*, Bulaq; Matba'ah al-Amriyyah, Jil. 2, hlm. 143. Ibn. Badran al-Dimasq. 1920. *al - Madkhal ila Madhhab al-Imam Ahmad bin Hanbal*, Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, hlm. 81. Syeikh Abd. Kadir, t.t., *Raudhah al-Nadhir Wajinnatu al-Manadhir* (dalam kitab *Syarh Nazhatu al-Khathir al 'Athir li Ibn. Qudamah*), Beirut, Dar al-Kutub al-'Ilmiah, Jil.1, hlm. 301. al - Amidi. 1985. *al - Ihkam fi Usul al-Ahkam*. Beirut: Dar Kitab al 'Ilmiah, Juz.1, hlm. 68. Al-Ghazzali. 1970. *al - Mustasfa min ilm al-Usul*. Beirut: Dar al Kutub al 'Ilmiah, Jil.1, hlm. 63
- <sup>4</sup> Ibid.
- <sup>5</sup> 'Abd. Karim Zaydan. 1973. *al - Wajiz fi Usul al - Fiqh*. Baghdad : Matba'ah Salman al-A'zami, hlm. 410. Syeikh 'Abd. Kadir op.cit, Juz. 2, hlm. 449. Al - Amidi, op.cit, Juz. 4, hlm. 298
- <sup>6</sup> Muhammad al - Khudari. 1965. *Tarikh al - Tasyri'e al - Islami*. Kaherah: Edisi ke-7, hlm. 324. Lihat juga Mahmood Zuhdi Abdul Majid. 1998. *Sejarah Pembinaan Hukum Islam*. Kuala Lumpur, Jabatan Penerbitan Universiti Malaya, hlm. 213
- <sup>7</sup> Al - Amidi, op.cit. hlm. 297




- <sup>8</sup> Ibn. Amir al - Hajj, op.cit, Jil. 3, hlm. 340, Cet. ke -2. Al - Ghazzali, op.cit. Jil. 2, hlm. 187 dan Ibn al - Subki, t.t. *Jam'al - Jawami'*. Kaherah: Matba'ah al-Halabi, Jil. 2, hlm. 393.
- <sup>9</sup> Al-Syatibi, t.t. *al-Muafaqat fi Usul al-Syari'ah*. Kaherah: Maktabah al-Tijariyah al-Kubra, hlm. 200.
- <sup>10</sup> Sayyid Muhammad Musa Tawana. 1972. *al -Ijtihad*. Kaherah: hlm. 97-107
- <sup>11</sup> Mahmood Zuhdi Abdul Majid. op. cit, hlm. 213.
- <sup>12</sup> Ibn. Qayyim. 1968. *I'lam al-Muwaqi'in*. Kaherah, Jil. 2, hlm. 168. Ahmad al-Husayni. 1326H. *Tuhfat al-Ray' al-Sadid li-dhiya-al-taqlid- wa-al-Ijtihad*. Mesir: Matba'ah Kardistan al-'Ilmiah, hlm. 36.
- <sup>13</sup> Bermaksud masalah-masalah yang mana hukum-hukumnya ditetapkan berdasarkan dalil-dalil yang *zan-al-thubut* dan *zan-al-dilalah* atau salah satu daripadanya. Juga melibatkan masalah-masalah yang tidak ditentukan hukumnya oleh nas-nas mahupun *ijma'*. *Zan al-thubut* ertinya dalil-dalil yang menetapkan sesuatu hukum itu masih perlu diteliti cara nas-nas sedemikian sampai kepada kita dengan menilai sifat para perawinya dari aspek adil, kekuatan ingatannya dan perkara-perkara lain yang boleh menjamin sesuatu nas yang diriwayatkannya benar-benar sahih. Manakala dalil yang bersifat *zan-al-dilalah* pula adalah nas-nas mengenai sesuatu hukum yang datang dalam makna yang boleh diberi tafsiran berbeza-beza mengikut pandangan *fujaha*. Ini merangkumi nas-nas umum yang kadang-kadang memberi maksud mutlak dan *muqayyad*. Terdapat juga sebahagian nas yang datang dalam bentuk suruhan dan larangan serta bentuk-bentuk lain yang boleh ditafsirkan mengikut kefahaman para fujaha. Sementara itu masalah-masalah yang tidak ditetapkan hukum daripada nas mahupun *ijma'* pula boleh ditentukan dengan kebijaksanaan logik akal serta berpandukan rasional pemikiran para ulama' seperti dengan kaedah *Qiyas*, *Istihsan*, *Maslalah*, *'Urf dan Istishab*. Semua ini boleh disimpulkan bahawa masalah *ijtihadiyyah* ialah permasalahan-permasalahan yang sememangnya pada asal tidak ada nas atau yang telah ada nas tetapi bukannya nas yang *Qathei'*. Ibn. Qayyim. *I'lam al-Muwaqi'in*. op.cit, Jil.2, hlm 260. al-Syatibi. *al-Muafaqat*. op.cit, Jil.4, hlm. 155. al-Shawkani, *Irshad al-Fuhul*, op.cit, 222.
- <sup>14</sup> Ibn. Qayyim, ibid.
- <sup>15</sup> Al-Suyuti. 1983. *al-Radd 'ala man Akhlag ilia al-Ard wa-Jahila 'anna al-Ijtihad fi Kull 'asr Fard*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiah, hlm. 42. Al-Syawkani. 1985. *al-Qaul al-Mufid fi adillati al-Ijtihad wa-al-Taqlid*, Kaherah, Maktabat al-Quran, hlm. 17. Ibn. Qayyim, op.cit, Jil.2, hlm. 181. Al-Syafie, t.t., *al-Risalah*, Mesir : Matba'ah al-Halabi, hlm. 510.







- <sup>17</sup> Ibid, hlm. 1120
- <sup>18</sup> Ibn. Khaldun, t.t. *al-Muqaddimah*. Mesir: Matba'at al-Ma'arif, Jil. 1, hlm. 72.
- <sup>19</sup> Ibn. Amir al-Hajj. *al-Taqrir wa-al-Tahbir*. op.cit, Jil.3, hlm. 353. Lihat juga *Sejarah dan Keagungan Mazhab Shafi'i*, Kota Bharu, Pustaka Aman Press, hlm. 3. Mohd. Saleh Haji Ahmad. 1999. *Pengantar Syari'at Islam*, Kuala Lumpur: hlm. 84-85.
- <sup>20</sup> Mahmood Zuhdi Abdul Majid. op. cit, hlm. 213.
- <sup>21</sup> Al-Ghazzali, op.cit, hlm. 401. Al-Syirazi al-Shafi'i. 1976. *al-Muhadhdhab fi Fiqh al-Imam al-Shafi'i*, Mesir : Mustafa al-Halabi, hlm. 125. Al-Basri al-Mu'tazily. 1920. *al-Mu'tamad fi Usul al-Fiqh*, Beirut : Dal al-Kutub al-'ilmiah, Juz. 2, hlm. 365. Badran al- Duwani al-Dimasq, op.cit, Juz. 2, hlm. 450.
- <sup>22</sup> Al-Ghazzali, ibid, hlm. 401. al-Syirazi al-Syafie, ibid, hlm. 125. al-Basri al-Mu'tazily, ibid, hlm. 365. Badran al- Duwani al-Dimasq, ibid, Juz. 2, hlm. 450
- <sup>23</sup> Al - Syirbini, t.t. *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifat ma'ani al-Minhaj*. Mesir: al-Maktabat al-Islamiyah, Jil. 2, hlm. 403.
- <sup>24</sup> Al-Ghazzali, op.cit, hlm. 401. Lihat juga al - Syirazi al - Syafie, op.cit, hlm. 125. al - Basri al Mu'tazily, op.cit, hlm. 365. Badran al -Duwani al-Dimasq, op.cit, hlm. 450.
- <sup>25</sup> Al-Ghazzali, ibid. al-Amidi. op.cit, Juz. 2, hlm. 365.
- <sup>26</sup> Al-Syirazi, al-Luma' fi usul al-Fiqh . op.cit., hlm. 125.
- <sup>27</sup> Al-Dzukruf. 22.
- <sup>28</sup> Tafsir Pimpinan al - Rahman Kepada Pengertian Al Quran. 1995. Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, hlm. 1304.
- <sup>29</sup> Al-Razi, t.t. al-Tafsir al- Kabir, Tehran, Dar al - Kutub al - 'Ilmiah, Juz. 22, hlm. 143 – 144. Al-Tabari. 1968. *Jami' al-Bayan 'an Ta'wil al-Quran*, Mesir: Mustafa la-Babi al-Halabi, Jil. 11, hlm. 272 dan Jil. 16, hlm. 75.
- <sup>30</sup> Al-Isnawi. 1984. *al-Tamhid fi al -Takhrij al -Furu' 'ala al -Usul, Muassasat al -Risalah*, cet. 3, hlm. 526. 'Abd Karim Zaydan. 1973. *al-Wajiz fi Usul al - Fiqh*. Baghdad: Matba'ah Salman al-A'zami, hlm. 410.
- <sup>32</sup> Syeikh 'Abd. Kadir, Raudhah al-Nadhir li Ibn. Qudamah, ( dalam kitab Syarh Nazhatu al Khathir al 'Athir), op.cit.
- <sup>33</sup> Al-Ghazali. op.cit, cet. 2, hlm. 401
- <sup>34</sup> Al-Syirazi. al-Luma' fi Usul al-Fiqh, op.cit, hlm. 125
- <sup>35</sup> Al-Amidi. al-Ahkam fi Usul al-ahkam, op.cit, hlm. 300
- <sup>36</sup> Al-Syirazi. op.cit, hlm., 125. Lihat juga Ibn.Husayn, al-Mu'tamad fi Usul al - Fiqh, op. cit, hlm. 365.
- <sup>38</sup> Al - Anbiya' : 7.
- <sup>39</sup> Al-Razi, op.cit.
- <sup>40</sup> Al-Kasani, t.t. *al-Bada'i al-Sana'i*. Kaherah: Zakaria al-Ansari, Jil. 2, hlm. 72. Al-Shawkani. 1973. *Fath al-Qadir*. Beirut : Dar al-Fikr, Jil. 2, hlm.36-41.



- <sup>41</sup> Ibn. Rushd. 1981. *Bidayah al-Mujtahid*. Beirut: Dar al-Ma'rifah. Jil. 1, hlm. 272. Al-Syrbini. t.t. *Mughni al-Muhtaj*. Mesir : al-Maktabat al-Babi al-Halabi, Jil. 1, hlm. 405- 407. Al-Syirazi. t.t. *al-Muhadhdhab*. Mesir: al-Mahsurah. Jil. 1, hlm. 165. Ibn. Qudamah. 1972. *Al-Mughni*. Mesir: Dar al-Kitab al-'Arabi. Jil, 3, hlm.60-65.
- <sup>42</sup> Al-Isnawi, al-Tamhid fi Takhrij al-Furu' ala al-Usul. op.cit, hlm. 527.
- <sup>43</sup> Orang-orang awam dalam '*Urf al-Fuqaha*' adalah setiap orang Islam yang tidak mampu untuk mengetahui hukum Syara' daripada dalil-dalil yang sebenarnya. al - Saqqaf. *Majmu'ah Sab'ah Kutub Mufidah*. op.cit, hlm. 52.
- <sup>44</sup> Al-Syirazi al-Syafie. op. cit, hlm. 126.
- <sup>45</sup> Al-Ghazali. op.cit, jil. 2, hlm. 102.
- <sup>46</sup> Al-Syatibi. *al-Muwafaqat fi usul al-Shariah*. op.cit, Jil. 4, hlm. 105-106.
- <sup>47</sup> Al-Amidi, op.cit, Jil.3, hlm. 139. Al-Isnawi, op.cit, Jil. 3, hlm. 244.
- <sup>48</sup> Ibid.
- <sup>49</sup> Wahbah al-Zuhaily. *Usul al-Fiqh al-Islami*. op.cit, Jil. 2, hlm. 1044.
- <sup>50</sup> Al-Syafie. *al-Risalah*. op.cit, hlm. 510.
- <sup>51</sup> Mengetahui maskud al-Quran dari sudut bahasa adalah merangkumi pengetahuan bagi setiap makna sehingga mampu memahami maksud sesuatu ayat dalam konteks yang menepati kehendak bahasa Arab yang asli yang merangkumi pelbagai cabang ilmu. Manakala penguasaan maksud al-Quran dari sudut syara' pula ialah mengetahui ayat-ayat yang wujud melalui bentuk yang berbagai-bagai seperti ayat-ayat bersifat umum, khusus dan lain-lain lagi. Pengetahuan tentang aspek-aspek tersebut sangat penting kerana dalam menggunakan ayat-ayat al-Quran sebagai sumber untuk berijtihad aspek-aspek tersebut mestilah difahami agar sesuatu hukum yang diijtihadkan menepati kehendak sebenar. Al-Taftazani. 1985. *al-Talwih 'ala al-Tawdih*, Beirut: Dar al-Kutb al-'Ilmiyah, Jil. 2, hlm. 118
- <sup>52</sup> Al-Ghazali. *al-Mustasfha*. op.cit, Jil. 2, hlm. 101. Al-Syawkani. 1937. *Irshad al-Fuhul ila Tahqiq al-Haqq min 'ilm al-Usul*. Mesir : Mustafa la-Halabi, hlm. 220.
- <sup>53</sup> Ibid. al-Syawkani. hlm. 221
- <sup>54</sup> Al-Ghazali. op.cit, jil. 2
- <sup>55</sup> Antara kitab yang membahaskan syarat ini seperti kitab Ibn Khuzaimah, Abi Ja'far al-Nuhas, Ibn al-Juzi, al- Hazimi, Ibn Hazm, al-Thahaawi. Al-Ghazali, ibid, hlm. 103. al-Syawkani. *Irshad al-Fuhul*. op.cit, hlm. 222.
- <sup>56</sup> Al-Ghazali,. ibid, hlm. 101-102. Al-Syafie. *al-Risalah*.op.cit, hlm. 510. Al-Isnawi, op.cit, Jil 3, hlm. 244.
- <sup>57</sup> Al-Taftazani. op.cit, Jil. 2, hlm. 117.
- <sup>58</sup> Al-Syawkani. *Irshad al-Fuhul*. op.cit, hlm. 221.
- <sup>59</sup> Al-Ghazali. op.cit. Jil. 2, hlm. 102. al-Amidi. op.cit, Jil. 3, hlm. 140.



- <sup>61</sup> Al-Syahrastani. 1986. *al-Milal wa al-Nihal*. Beirut: Dar Sa'b, Jil.2, hlm. 200
- <sup>62</sup> Al-Syawkani. *Irshad al-Fuhul*. op.cit, hlm. 222
- <sup>63</sup> Zaki al-Din. 1974. *Usul fiqh al-Islami*. Banghazi: Jami'at Banghazi, hlm. 326.
- <sup>64</sup> Al-Syatibi. *al-Muwafaqat*. op.cit, jil.2, hlm. 6
- <sup>65</sup> Orang 'alim maksudnya orang Islam yang tidak sampai kepada martabat mujtahid yang mana hukumnya sama dengan orang awam iaitu wajib bertaklid. Lihat dalam al- Saqqaf, op. cit, hlm. 52
- <sup>66</sup> Abu al-Walid al-Baaji. 1986. *Ihkam al Fusul fi al Ahkam al Usul*. Beirut: Dar al - Gharb al-Islami, Cet.1, hlm.721. Lihat juga al-Syirazi al- Syafie, op. cit, hlm. 126. 'Abd. Karim Zaydan. op.cit, hlm. 410. Ibn. al - Subki. t.t., *Jama'al Jawami'*. Mesir: Matba'ah al-Halabi. op. cit, hlm. 395 dan al -Amidi, op. cit, Jil. 4, hlm. 275.
- <sup>67</sup> Abu al - Walid al -Baaji, ibid, hlm. 721.
- <sup>68</sup> Al-Syirazi al -Syafie. op. cit, hlm. 126.
- <sup>69</sup> 'Abd. Karim Zaydan, op.cit, hlm. 411-412.
- <sup>70</sup> Ibid, hlm. 412 - 413.
- <sup>71</sup> Di pelopori oleh ulama' seperti al-Amid. *al-Ahkam fi Usul al-Ahkam*. op.cit. dan al-Kamal ibn Humam. 1988. *Syarh Fath al- Qadir*. Mesir: Maktabah al-Babi al-Halabi.
- <sup>72</sup> Al-Syawkani. *Irshad al-Fuhul*. op.cit, hlm. 340. Ibn. Amir al-Hajj. *al-Taqrir wa-al-Tahbir*. op.cit, Jil.3, hlm. 344. Badran. 1920. *al-Madkhil ila Madhhab al-Imam Ahmad bin Hanbal*. Damsyik : Dar Ihya al-Turath, hlm. 193.
- <sup>74</sup> Ibid.
- <sup>75</sup> Wahbah al Zuhaili, op. cit, hlm. 1138, Jil. 2. H. Husien Muhammad. 1987. *Dasar pemikiran hukum Islam: Taklid dan ijithad*. Jakarta:, hlm. 34.
- <sup>76</sup> H. Husein Muhammad, ibid, hlm. 35
- <sup>78</sup> Ibid.
- <sup>79</sup> Mustafa Ahmad Zarqa. t.t.. *Tathawwurul Fiqh al - Islami*. Kaherah: Juz. 1, hlm. 368.
- <sup>80</sup> Ibn. Abidin, 1966, Hasyiat Radd al-Mukhtar 'ala al-Durr al-Mukhtar : Sharh Tanwir al-Absar fi fiqh madhhab al-Imam Abi Hanifah, III, hlm. 238.
- <sup>81</sup> Bermaksud menghimpu dan mencampurkan-adukkan dua pandangan mazhab atau lebih berhubung sesuatu masalah sehingga melahirkan satu bentuk hukum atau konsep tententu hasil daripada percampuran tersebut, sedangkan setiap mazhab yang diambil pendapat tersebut tidak mengakui dan mengiktiraf amalan sedemikian sebagai satu prinsip daripada mazhabnya. Contohnya, mengambil wudhu' dengan bertaklid kepada mazhab Shafe'i dengan menyapu sebahagian kepala sahaja, kemudian tidak menganggap terbatal wudhu' apabila tersentuh anjing kerana bertaklid kepada mazhab Maliki dalam satu solat. Kaedah Talfiq sebegini tidak sah



kerana telah melahirkan satu hukum yang baru dalam sesuatu solat yang mana keadaan sedemikian tidak diiktiraf oleh kedua-dua mazhab tersebut. Lihat al-Dimyati, 1356 H, Hasyiah al-I'anat al-Talibin ‘ala Fath al-Mu’in, Mesir: Mustafa al-Babi al-Halabi wa Auladahi, Jil. 4, hlm. 218.

<sup>82</sup> Wahbah al-Zuhaily, op.cit, Jil. 1, hlm. 90.

<sup>83</sup> Ibn. Badran, al - Madkhal ila Madhhab al-Imam Ahmad bin Hanbal, op.cit.

<sup>84</sup> Op. cit, hlm., 368

<sup>85</sup> Ibn. Qaiyyim al-Jawziyyah, I’lam – ul-Mua’qi’in, op.cit, hlm. 526.

<sup>86</sup> Ibid.

<sup>87</sup> H. Husien Muhammad, op. cit, hlm. 38. Lihat juga dalam Ibn. Khaldun, op.cit, hlm. 369.

<sup>88</sup> Wahbah al-Zuhaily, op.cit, Jil. 1, hlm. 95. Lihat juga Haji Dusuki Haji Ahmad. 1980. Islam di Malaysia: Kebangkitan dan Masa Depan, Kuala Lumpur, hlm. 22.

<sup>89</sup> Al-Sayyid al-Bakr bin Muhammad Syata al-Dimyati, I’anat al-Talibin, Jil.4, hlm. 217.al-Sayyid ‘Alawi al-Saqqaf, Majmu’ah Sab’ah Kutub Mufidah, hlm. 52.

<sup>90</sup> Pandangan ini dikemukakan oleh Ibn. Daqiqi al-‘Iid al-Din bin ‘Abd al-Salam. Lihat dalam al-Dimyati, ibid. al-Imam Salah al-Din al-‘Alafi, al-Taqrir wa-al-Tahbir, op.cit, jil. 3, hlm. 351.



Mahyuddin Abu Bakar  
Jabatan Pentadbiran Muamalat



Azman Md. Zain  
Jabatan Pengajian Umum  
Universiti Utara Malaysia



